

**PERLEMBAGAAN**  
**PERSATUAN VETERAN ATM**

Fasal 1. **NAMA, COGAN KATA, LAMBANG, LENCAWA DAN BENDERA** (Pindaan 2017)

a. **NAMA**

Persatuan ini ditubuhkan pada 20 Mei 1922 oleh Bekas Tentera British di Malaya dengan nama Ex Service Association of Malaya (ESAM). Pada tahun 1966, nama persatuan ditukar kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM), dan nama persatuan sekali lagi ditukar kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) pada tahun 1998. Pada tahun 2013, nama persatuan ditukarkan kepada nama yang ada sekarang iaitu **Persatuan Veteran ATM (PVATM)** atau dalam Bahasa Inggerisnya disebut “Veterans Association of Malaysian Armed Forces” (VAMAF).

b. **COGAN KATA**

Cogan kata Persatuan ini ialah **SENTIASA BERJUANG**.

c. **LAMBANG**



Lambang Persatuan ialah satu bulatan warna kuning diraja dengan perkataan **“Persatuan Veteran ATM”** dan **Angka 1922**. Dalam bulatan terletak sebilah keris dan parang bersilang yang berlatar belakangkan jalur menegak berwarna biru muda disebelah kiri, warna merah di tengah dan biru tua sebelah kanan. Di atas keris dan parang bersilang itu terletak bulan sabit dan bintang berwarna kuning yang mempunyai empat belas penjuru. Di sebelah bawah di antara hulu parang dan keris terletak cogan kata **“SENTIASA BERJUANG”**.

d. **LENCAWA**



Berupa perisai dengan **jalurnya berwarna biru muda di sebelah kiri, warna merah di tengah dan biru tua di sebelah kanan**. Di tengahnya ialah Lambang Persatuan.

e. **BENDERA**



Warna tapak bendera Persatuan terdiri daripada tiga (3) warna iaitu di bahagian atas berwarna biru muda yang melambangkan Tentera Udara, bahagian tengah berwarna merah tua yang melambangkan Tentera Darat dan bahagian bawah berwarna biru tua yang melambangkan Tentera Laut. Lebar setiap satu (1) warna (jalur) berukuran tiga puluh (30) sentimeter (cm). Ditengah-tengah bendera ialah Lambang Persatuan.

Fasal 2.

**TAKRIF**

(Pindaan 2017)

- a. 'Persatuan' atau 'PVATM' bermaksud Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia yang ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Veteran 2012.
- b. 'Peraturan Persatuan' bermaksud peraturan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi (MT) melalui Fasal 14.u.
- c. 'Pendaftar Persatuan' bermaksud Pendaftar yang dilantik di bawah Seksyen 7 Akta Veteran 2012.
- d. 'Veteran' ertiannya warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dan tidak pernah dibersarakan atau diberhentikan daripada perkhidmatan atas alasan salah laku dalam mana-mana Angkatan yang berikut:
  - (1) Angkatan Tentera Malaysia.
  - (2) Angkatan Sukarela yang dikerah sepenuh masa oleh Angkatan Tentera Malaysia tanpa mengira tempoh perkhidmatan.
  - (3) Force 136.
  - (4) Tentera British yang telah berkhidmat di Malaya/Malaysia atau Singapura; dan
  - (5) Sarawak Rangers.
- e. 'Bekas Tentera' ertiannya warganegara Malaysia yang pernah berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia tetapi tidak diiktiraf sebagai veteran.
- f. 'Balu' ertiannya isteri kepada ahli yang telah meninggal dunia dan tidak berkahwin lain.
- g. 'Duda' ertiannya suami kepada ahli yang telah meninggal dunia dan tidak berkahwin lain.
- h. 'Srikandi' ertiannya isteri dan balu yang berdaftar sebagai ahli di dalam PVATM serta pranita yang berdaftar sebagai Ahli.
- i. 'Beliawira' dan 'Beliawanis' ertiannya anak-anak ahli PVATM yang berdaftar sebagai Ahli Bersekutu yang berumur tidak kurang dari 16 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun.

Tujuan Persatuan ditubuhkan seperti berikut:

- a. Menyokong dan menjunjung tinggi prinsip-prinsip **RUKUN NEGARA**.
  - b. Menghargai dan memelihara semangat muhibah di antara veteran yang telah berkhidmat dalam memerangi musuh Malaysia dan Negara-Negara sahabat Malaysia serta menjaga darjat dan kehormatan yang baik di antara veteran dan bekas tentera.
  - c. Menjaga kepentingan ahli-ahli dan keluarga bagi menggalak dan mengeratkan lagi kerjasama serta perpaduan di antara veteran dan bekas tentera.
  - d. Mengekalkan ingatan dan kenangan terhadap mereka yang telah terkorban demi Negara dengan mengadakan "Hari Peringatan Tahunan" khusus untuk Veteran dan bekas tentera pada keseluruhannya dengan majlis-majlis agama dan acara-cara lain yang sejajar dengan kehendak dan keadaan semasa Negara.
- (Pindaan 2017)
- e. Memberi pertolongan atau bantuan kepada veteran dan bekas tentera dan keluarga mereka yang ditimpa kemalangan atau musibah yang berkehendakkan bantuan atau pertolongan.
  - f. Memberi kesedaran kepada orang-orang awam untuk membantu veteran dan bekas tentera yang cacat, cedera, kurang upaya dan daif.
  - g. Bertindak sebagai satu Badan, mewakili veteran dan bekas tentera serta tanggungan mereka dan memberi pendapat dan buah fikiran dalam segala aspek kepentingan mereka secara langsung atau tidak langsung bertugas sebagai satu badan yang diiktiraf untuk dirujuk dalam segala masalah berhubungkait dengan veteran dan bekas tentera dan tanggungan mereka.
  - h. Mencari dan menerima pelbagai derma, hadiah dan sumbangan sama ada mutlak atau bersyarat untuk mencapai tujuan dan maksud persatuan.
  - i. Membeli, meminjam wang, memajak, mencagar, menukar, menyewa atau memiliki apa-apa juga tanah, rumah dan harta benda yang difikirkan perlu atau berfaedah untuk persatuan.
  - j. Mentadbir, menjual, menyewa, memajak, mencagar, menukar atau sebagainya apa-apa juga harta benda kepunyaan persatuan.
  - k. Membina, menyenggara dan membuat perubahan ke atas sebarang rumah atau bangunan yang difikirkan perlu atau berfaedah kepada persatuan.
  - l. Melabur semua wang persatuan yang tidak dikehendaki segera untuk tanaman modal di dalam apa-apa permodalan yang dibenarkan oleh undang-undang yang sedia ada.
  - m. Mengumpul wang mengikut ketetapan Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
  - n. Menubuhkan Persatuan Negeri-Negeri dan Cawangan-Cawangan di seluruh Negara.
  - o. Bergabung dengan lain-lain Badan atau Persatuan di merata dunia yang mempunyai tujuan yang sama atau seakan-akan sama.
  - p. Mengadakan, melengkap dan menyenggara Pejabat, Tempat Mesyuarat, Tempat Perjumpaan atau Rekreasi Persatuan.
  - q. Mengembangkan semangat persahabatan di antara ahli-ahli dan menolong mereka memperolehi sebarang kemudahan yang biasa dinikmati oleh masyarakat yang lain.

- r. Mencetak dan mengeluarkan, sama ada dengan percuma atau dengan kos buku-buku, risalah-risalah dan rencana yang akan memberi manfaat kepada persatuan dan ahli-ahli dengan mendapat kelulusan pihak berkuasa terlebih dahulu.
- s. Berusaha supaya wakil-wakil persatuan dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, serta dalam Badan-Badan Berkanun, Lembaga-Lembaga, Majlis Daerah, Majlis Perbandaran atau Bandaraya dan apa-apa Jawatankuasa yang sesuai yang akan memajukan serta mengembangkan kewibawaan persatuan.
- t. Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh persatuan ini, hasil penyertaannya dalam mana-mana perniagaan, akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan tujuan-tujuan persatuan ini, dan tidak sebahagian pun daripada wang atau keuntungan itu akan digunakan untuk membayar faedah, keuntungan atau bonus kepada sebarang ahli persatuan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak pula menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik seperti membayar gaji, perbelanjaan, imbuhan atau elaun-elaun atau pihak yang telah, sedang dan akan memberi perkhidmatan kepada Persatuan.

Fasal 4.

#### **KELAYAKAN MENJADI AHLI DAN KATEGORI KEAHLIAN**

(Pindaan 2017)

- a. Bagi tujuan perlombagaan ini, "Veteran" dan "Bekas Tentera" yang layak menjadi ahli PVATM ialah:
  - (1) Angkatan Tentera Malaya/Malaysia atau Komanwel selama tidak kurang daripada DUA BELAS (12) BULAN terus menerus.
  - (2) Dalam mana-mana Pasukan Simpanan, yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia, dan dikerah Berkhidmat Sepenuh Masa (Mobilized) selama tidak kurang daripada DUA BELAS (12) BULAN terus menerus (seperti Pasukan Simpanan Tentera Darat Malaysia (Wataniah), Pasukan Simpanan Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Pasukan Simpanan Tentera Udara DiRaja Malaysia).
  - (3) Dalam pasukan 'Volunteer' Negeri-Negeri Bersekutu, Negeri-Negeri Tidak Bersekutu, Negeri-Negeri Selat selama tidak kurang daripada DUA BELAS (12) BULAN terus menerus.

b.

#### **Permohonan Menjadi Ahli**

(Pindaan 2017)

Tiap-tiap permohonan menjadi Ahli atau Ahli Bersekutu hendaklah dicadang dan disokong oleh dua orang ahli yang sedia ada dan permohonan itu hendaklah dihantar terus kepada Setiausaha Cawangan ataupun melalui Setiausaha Negeri masing-masing. Seseorang itu hanya sah menjadi Ahli Persatuan setelah permohonan diluluskan oleh Majlis Eksekutif Negeri masing-masing. Keputusan Majlis Eksekutif Negeri berkenaan adalah muktamad.

c.

#### **Yuran**

(Pindaan 2017)

- (1) Bayaran untuk menjadi ahli adalah RM 60.00 yang merangkumi:

- a. Bayaran pendaftaran dan Kad Ahli.
- b. Yuran Ahli atau Ahli Bersekutu.
- c. Majlis Tertinggi (MT) boleh menetapkan kadar yuran selain di atas bagi sesuatu tujuan dan jangkamasa tertentu.

d.

#### **Ahli**

(Pindaan 2017)

"Veteran" yang telah berdaftar menjadi ahli Persatuan seperti yang ditetapkan dalam perlombagaan.

e. **Ahli Bersekutu**

(Pindaan 2017)

Mereka yang tersebut di bawah adalah layak menjadi Ahli Bersekutu dengan syarat mereka membuktikan kesahihan butir-butir perkhidmatan mereka, perkhidmatan suami atau isteri, bapa atau ibu mereka (di mana berkenaan) di dalam Angkatan Tentera Malaysia atau Komanwel atau lain-lain pasukan yang diiktiraf oleh Persatuan sebagai "Veteran" dan "Bekas Tentera" dan membayar yuran keahlian mengikut Peraturan yang ditetapkan.

- (1) Bekas Tentera.
- (2) Suami, isteri, duda atau balu.
- (3) Anak ahli Persatuan yang berumur antara 16 tahun hingga 40 tahun sahaja.
- (4) Dalam Pasukan Timbalan Setia Johor (JMF) yang telah berkhidmat selama tidak kurang dari DUA BELAS (12) BULAN terus menerus.

f. **Ahli Kehormat**

(Pindaan 2017)

- (1) Majlis Tertinggi (MT) boleh mempelawa untuk dilantik sebagai Ahli Kehormat sesiapa yang difikirkan telah banyak berjasa atau akan memberi manfaat kepada Persatuan.
- (2) Peringkat Negeri dan Cawangan juga boleh mempelawa untuk melantik Ahli Kehormat sesiapa yang difikirkan telah banyak berjasa. Walau bagaimanapun, perlantikan perlu mendapat kelulusan Majlis Tertinggi (MT) terlebih dahulu.

Fasal 5.

**HAK AHLI**

a. Tiap-tiap Ahli mempunyai tanggungjawab dan hak seperti berikut:

- (1) Berhak mendapat faedah-faedah persatuan serta merta.
- (2) Menjadi ahli bagi satu cawangan sahaja dalam satu masa, jika seseorang itu didapati menjadi ahli lebih daripada satu cawangan pada satu masa yang sama, maka Majlis Tertinggi (MT) berkuasa mengambil tindakan disiplin ke atasnya.
- (3) Tertakluk kepada pematuhan Peruntukan Perlembagaan dan Peraturan Pentadbiran dan Pengurusan Persatuan dan berhak menghadiri, bersuara, mengundi, memilih, dicalon,dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan dalam Persatuan selepas 90 hari daripada tarikh keahlian dilulus tetapi hak mengundinya tidaklah boleh diwakilkan kepada sesiapa pun.
- (4) Yang sedang didalam cadangan untuk digantung atau dipecat, tidaklah hilang hak keahliannya sehingga keputusan dibuat Majlis Tertinggi (MT) dengan syarat mereka telah mematuhi Fasal 4.c.
- (5) Ahli yang sedang dikenakan hukuman penjara atas kesalahan jenayah atau dihukum muflis atau telah dilarang oleh sebarang undang-undang tidak boleh dicalonkan atau dilantik untuk memegang sebarang jawatan dalam Persatuan. Jika telah dilantik, jawatan terlucut dengan serta merta mulai dari tarikh hukuman itu dijatuhkan.
- (6) Ahli-ahli yang telah disabitkan kesalahan mengikut undang-undang Negara yang melarangnya memegang jawatan di dalam Persatuan atau dilantik untuk memegang jawatan dalam Persatuan atau jika dia dikenakan hukuman tata tertib Persatuan yang melarang dia memegang jawatan, tidak boleh dicalonkan atau bertanding sebarang jawatan. Jika sekiranya dia telah dipilih atau dilantik jawatannya itu dengan serta merta terlucut secara automatik.

- b. Tiap-tiap Ahli Bersekutu mempunyai tanggungjawab dan hak seperti berikut:
- (1) Berhak mendapat faedah-faedah persatuan.
  - (2) Menjadi ahli bagi satu cawangan sahaja dalam satu masa, jika seseorang itu didapati menjadi ahli lebih daripada satu cawangan pada satu masa yang sama, maka Majlis Tertinggi (MT) berkuasa mengambil tindakan disiplin ke atasnya.
  - (3) Ahli Bersekutu tidak berhak mengundi, memilih dan dipilih atau menjadi perwakilan di peringkat negeri dan negara. Mereka juga tidak boleh memegang sebarang jawatan di peringkat cawangan tetapi berhak mencalon, memilih, mengundi dan bercakap di peringkat cawangan.
  - (4) Yang sedang di dalam cadangan untuk digantung atau dipecat, tidaklah hilang hak keahliannya sehingga keputusan di buat Majlis Tertinggi (MT).
  - (5) Ahli yang sedang dikenakan hukuman penjara atas kesalahan jenayah atau dihukum muflis atau telah dilarang oleh sebarang undang-undang tidak berhak mencalon, memilih, mengundi dan bercakap di peringkat cawangan.

(Pindaan 2017)

## Fasal 6. **BERHENTI MENJADI AHLI**

- a. **Berhenti Secara Sukarela**

(Pindaan 2017)

Seseorang Ahli dan Ahli Bersekutu boleh berhenti dari menjadi ahli bila-bila masa sahaja dengan memberi notis secara bertulis.

- b. **Permohonan Semula**

(Pindaan 2017)

Tertakluk kepada apa-apa syarat dan terma yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi (MT), seorang bekas ahli persatuan yang telah berhenti secara sukarela boleh memohon semula untuk menjadi ahli selepas tempoh 12 bulan.

## Fasal 7. **BERPINDAH CAWANGAN ATAU NEGERI**

- a. Proses pemindahan ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi (MT) dan dikehendaki mengisi borang Pertukaran Cawangan dan Negeri.
- b. Apabila seseorang ahli yang telah menjelaskan yurannya berpindah dari satu Cawangan atau Negeri, ia tidak diperlukan membayar yuran keahlian sekali lagi kecuali wang pendaftaran.
- c. Tarikh kelulusan perpindahan cawangan hanya berkuatkuasa mulai tarikh kelulusan oleh PVATM Negeri yang menerima.

(Pindaan 2017)

## Fasal 8. **PENGGANTUNGAN ATAU PEMECATAN**

- a. Majlis Eksekutif Negara/Negeri dalam situasi mendesak yang kelak ianya menjadikan imej atau kewibawaan Persatuan, boleh mencadangkan penggantungan sesebuah Negeri/Cawangan mana berkenaan, dan melaporkan tindakan kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk kelulusan.
- b. Majlis Tertinggi (MT) boleh menggantung atau memecat siapa juah ahli Negeri, Cawangan yang didapati melanggar tatatertib, Peraturan atau Perlembagaan Persatuan.
- c. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa menetapkan Peraturan dan Tatacara penggantungan dan pemecatan ini.

(Pindaan 2017)

Fasal 9.

### **RAYUAN PENGGANTUNGAN ATAU PEMECATAN**

- a. Seseorang ahli yang tidak puas hati di atas pemecatan atau penggantungannya boleh membuat rayuan, dengan cara bertulis, dalam masa tiga puluh (30) hari setelah ianya dimaklumkan, dengan mematuhi Peraturan yang ditetapkan.
- b. Seseorang ahli yang telah digantung atau dipecat keahliannya dilarang beraksi sebagai ahli semula di mana-mana Cawangan, Negeri, Srikandi atau Beliawira sebelum rayuannya diluluskan.
- c. Majlis Tertinggi (MT) berhak membuat sebarang keputusan dan menetapkan Peraturan atau syarat berhubung dengan rayuan tersebut.

Fasal 10.

### **PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN**

- a. Perhimpunan Agung Tahunan adalah kuasa tertinggi persatuan dan perjalanan persatuan adalah berasaskan kepada kuasa dan perintahnya tertakluk kepada Perlembagaan dan juga Peraturan Persatuan.
- b. Perhimpunan Agung Tahunan hendaklah diadakan setahun sekali pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi (MT), dengan syarat tidak lewat daripada lapan belas (18) bulan dari tarikh Perhimpunan Agung Tahunan yang lalu.
- c. Tugas Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap:
  - (1) Mempengerusikan Persidangan Biasa dan Khas.
  - (2) Timbalan Pengerusi Tetap akan menjalankan tugas semasa ketiadaan Pengerusi Tetap.
  - (3) Sekiranya Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap tidak hadir di dalam persidangan itu, perhimpunan itu hendaklah memilih seorang ahli dari kalangan Majlis Tertinggi (MT) (kecuali Presiden) atau dari kalangan Perwakilan atau dari kalangan Pemerhati (Ahli) untuk mempengerusikan Perhimpunan.
- d. Tugas Perhimpunan Agung Tahunan ialah:
  - (1) Menentukan dasar Persatuan.
  - (2) Mengkaji kerja-kerja Majlis Tertinggi (MT).
  - (3) Mengesahkan Minit Perhimpunan Agung Tahunan yang lalu.
  - (4) Membentangkan Penyata Kira-Kira Tahunan yang berakhir 31hb Disember tahun lepas.
  - (5) Membentangkan Laporan Majlis Tertinggi (MT), Jawatankuasa Lembaga-Lembaga Amanah Persatuan, Laporan anak-anak syarikat dan Penyata Kira-Kira Tahunan Lembaga-Lembaga Amanah Persatuan yang berakhir 31hb Disember tahun lepas.
  - (6) Memilih Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap untuk tempoh tiga (3) tahun. Calon-calon hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang tidak memegang sebarang jawatan dalam Majlis Tertinggi (MT), Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Cawangan atau Pemeriksa Kira-Kira Cawangan di mana-mana peringkat Persatuan.
  - (7) Memilih Presiden, Timbalan Presiden dan tiga (3) Naib Presiden, apabila tiba masanya, untuk tempoh tiga (3) tahun. Calon-calon hendaklah terdiri daripada ahli yang sedang memegang sebarang jawatan di dalam mana-mana peringkat Persatuan tetapi bukan Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap di mana-mana peringkat Persatuan.

- (8) Melantik seseorang Naib Presiden di kalangan YDP PVATM Negeri Sarawak atau PVATM Negeri Sabah secara bergilir-gilir bagi sesuatu penggal. Naib Presiden ini dinamakan Naib Presiden IV. Mana-mana ahli dari PVATM Negeri Sarawak dan PVATM Negeri Sabah tidak layak bertanding dan dipilih kejawatan mana-mana Naib Presiden di Fasal 10.d (7).
- (9) Tiga Naib Presiden yang dipilih akan dinamakan Naib Presiden I, Naib Presiden II dan Naib Presiden III mengikut susunan jumlah undi terbanyak diperolehi semaa pemilihan.
- (10) Melantik Juruaudit Bertauliah dan perlantikan terpulang pada negeri.
- (11) Membahas usul-usul, sekiranya ada.
- e. Komposisi Perhimpunan Agung Tahunan:
- (1) Pengurus Tetap dan Timbalan Pengurus Tetap.
  - (2) Ahli-Ahli Majlis Tertinggi (MT).
  - (3) Timbalan Yang DiPertua dan Naib-Naib Yang DiPertua PVATM Negeri.
  - (4) Empat belas (14) orang Perwakilan dari tiap-tiap Negeri yang telah dipilih oleh Persidangan Perwakilan Negeri.
  - (5) Tanpa menghiraukan apa-apa Peruntukkan lain di dalam Perlembagaan ini, Yang DiPertua Negeri di dalam Majlis Tertinggi boleh mengautomatiskan seorang penggantinya sebagai Perwakilan Negerinya dari antara jumlah nisbah bilangan Perwakilan Negerinya itu.
- f. Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara hendaklah diadakan apabila dikehendaki oleh salah satu daripada empat (4) peruntukkan dan keperluan berikut:
- (1) Dengan kehendak Presiden.
  - (2) Meminda Perlembagaan.
  - (3) Dengan permintaan bertulis daripada dua pertiga (2/3) ahli-ahli Majlis Tertinggi.
  - (4) Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada jumlah semua Negeri dengan syarat Negeri-Negeri itu telah mengadakan Perhimpunan Agung Tahunan Khas atas masalah atau perkara yang sama atau syor meminda Perlembagaan.
- g. Berasaskan kepada Fasal 10.f (3) atau (4) di atas, Setiausaha Agung hendaklah memanggil Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara itu. Jika Setiausaha Agung tidak berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh terakhir permohonan diterima, maka Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara itu hendaklah dipanggil oleh Pengurus Tetap atau Timbalannya. Andainya Pengurus Tetap atau Timbalannya pula tidak berbuat demikian dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari daripada selepas tarikh permohonan seperti Fasal 10.f (3) atau (4) diterima, Ahli-Ahli Majlis Tertinggi (MT) yang memohon untuk diadakan Perhimpunan Agung Tahunan atau Perhimpunan Agung Khas Negara boleh memanggil Persidangan Perwakilan Khas Negara tersebut. Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara hendaklah mengikut kaedah Fasal 10.e.
- h. Perhimpunan Agung Tahunan atau Perhimpunan Agung Khas Negara itu hendaklah mengikut kaedah Perwakilan dan Perwakilan-Perwakilan yang hadir dalam Perhimpunan Agung Tahunan Negara yang baru lalu sahaja boleh hadir kecuali Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negeri yang memohon itu mengantikannya dengan wakil-wakil lain.

**Fasal 11. KORUM PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN NEGARA, PERSIDANGAN PERWAKILAN NEGERI DAN MESYUARAT AGUNG CAWANGAN**

- a. Perhimpunan Agung Tahunan atau Perhimpunan Agung Khas Negara hanya boleh dijalankan sekiranya korum sejumlah seratus (100) orang Perwakilan, yang mewakili tidak kurang dari lapan (8) buah Negeri dari jumlah semua Negeri, hadir.
- b. Persidangan Perwakilan Tahunan atau Persidangan Perwakilan Khas Negeri tidak boleh dijalankan melainkan korum bagi mana-mana Persidangan ialah lima puluh (50) orang Perwakilan yang hadir mewakili tidak kurang daripada separuh jumlah Cawangan yang terdapat di dalam Negeri berkenaan.
- c. Apabila Perhimpunan/Persidangan diadakan semula seperti yang telah ditetapkan dan masih syarat korum tidak mencukupi, selepas tiga puluh (30) minit daripada jadual yang ditetapkan, maka Majlis Tertinggi (MT) atau AJK Negeri berkuasa menjalankan Perhimpunan/Persidangan itu. Walau bagaimanapun, perhimpunan persidangan itu tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meminda Perlembagaan atau membuat keputusan yang melibatkan harta tetap Persatuan dan undi tidak percaya terhadap mana-mana pucuk pimpinan di mana-mana peringkat.
- d. Kaedah di dalam fasal ini boleh digunakan untuk Persidangan Tahunan Negeri dan Cawangan.
- e. Korum bagi Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas Cawangan ialah seramai tiga puluh (30) orang ahli.

(Pindaan 2017)

(Pindaan 2017)

(Pindaan 2017)

**Fasal 12. MAJLIS TERTINGGI (MT)**

- a. Majlis Tertinggi (MT) adalah merupakan badan yang menentukan dasar dan peraturan serta menjalankan pentadbiran hal ehwal persatuan di bawah kekuasaan dan Perintah Perhimpunan Agung Tahunan Negara. Majlis Tertinggi (MT) adalah berkuasa melaksanakan sebarang langkah bagi pihak Perhimpunan Agung Tahunan Negara pada masa ketiadaannya tetapi segala langkahnya itu hendaklah dimaklumkan kepada Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
- b. Majlis Tertinggi (MT) terdiri daripada:
  - (1) Presiden.
  - (2) Timbalan Presiden.
  - (3) Empat (4) Naib Presiden.
  - (4) Setiausaha Agung.
  - (5) Bendahari.
  - (6) Ketua Penerangan.
  - (7) Ketua Srikandi (boleh mengundi sekiranya Ahli).
  - (8) Ketua Beliawira (boleh mengundi sekiranya Ahli).
  - (9) Yang DiPertua tiap-tiap Negeri.
  - (10) Lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Presiden di kalangan ahli seumur hidup untuk tempoh tiga (3) tahun (kecuali mereka diberhentikan atau mereka meletakkan jawatan) dan tiga (3) orang dari ahli yang dilantik ini hendaklah terdiri dari Veteran Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia.
  - (11) Tiga (3) orang Pegawai yang dilantik oleh Menteri Pertahanan yang mewakili Jabatan-Jabatan yang berkaitan dengan Veteran di bawah Kementerian Pertahanan setelah mendapat syor daripada Majlis Tertinggi (MT), iaitu JHEV, PERHEBAT dan Markas ATM.

(Pindaan 2017)

- (12) Seorang Pegawai yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- c. Yang DiPertua Negeri yang memegang salah satu jawatan mengikut Fasal 12.b (1) hingga (3) berhak melantik penggantinya duduk dalam Majlis Tertinggi (MT).
- d. Setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Penerangan dan lima (5) Ahli dinyatakan di dalam Fasal 12.b (10) dilantik oleh Presiden dan akan memegang jawatan mereka selama tiga (3) tahun kecuali mereka berhenti atau diberhentikan.
- e. Ketua Srikandi dan Beliauwa dilantik oleh Presiden untuk tempoh tiga (3) tahun selepas tiap kali pemilihan Majlis Tertinggi (MT) di adakan.
- f. Calon-calon yang bertanding untuk memegang jawatan Pengurus Tetap, Timbalan Pengurus Tetap, Presiden, Timbalan Presiden atau Naib Presiden hendaklah dinamakan sekurang-kurangnya oleh dua (2) Persidangan Perwakilan Tahunan Negeri untuk dipilih oleh Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
- g. Calon-calon yang dicadangkan oleh Persidangan Perwakilan Negeri itu hendaklah dikemukakan dan sampai kepada Setiausaha Agung tidak lewat dari dua puluh satu (21) hari sebelum Perhimpunan Agung Tahunan Negara diadakan.
- h. Majlis Tertinggi (MT) termasuk Presiden, Timbalan Presiden dan Naib-Naib Presiden boleh dilucutkan jawatan atau Majlis Tertinggi (MT) dibubarkan oleh Perhimpunan Agung Tahunan atau Perhimpunan Agung Khas dengan undian tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada jumlah bilangan Perwakilan yang berhak hadir.
- i. Majlis Tertinggi (MT) hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan. Empat belas (14) hari notis adalah perlu untuk mengadakan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT).
- j. Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) hendaklah bersidang sekiranya diminta secara bertulis oleh satu pertiga (1/3) daripada Ahli-Ahli Majlis Tertinggi (MT).
- k. Sekiranya Setiausaha Agung tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 12.j dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permohonan itu dibuat, maka ahli-ahli yang memohon itu boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli Majlis Tertinggi (MT) dijemput hadir.
- l. Satu perdua (1/2) daripada bilangan Ahli Majlis Tertinggi (MT) adalah menjadi cukup korum bagi menjalani mesyuarat.

### Fasal 13.

### **PEGAWAI UTAMA PERSATUAN**

Pegawai-Pegawai Utama Persatuan ialah terdiri daripada mereka tersebut di bawah ini yang menentukan kewibawaan dan pelaksanaan pentadbiran dan operasi harian persatuan. Tugas-Tugas dan tanggungjawab Majlis Tertinggi (MT):

- a. **Presiden.**
  - (1) Menjadi pemimpin paling utama dan bertanggungjawab menyenggara kesempurnaan perjalanan operasi dan pentadbiran Persatuan.
  - (2) Melantik, menggantung atau memecat Setiausaha Agung Bendahari, Ketua Penerangan, Kakitangan Persatuan dan Pengurus atau Ahli-Ahli Biro setelah berunding dengan Majlis Eksekutif dan bertanggungjawab ke atas kesempurnaan tugas mereka.

- (3) Melantik, menggantung atau memecat lima (5) orang Ahli Majlis Tertinggi (MT) yang tersebut di dalam Fasal 12.b (10).
  - (4) Memanggil dan mempengerusikan Sidang Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif serta menyelaras setiap minitnya sebelum dibentang untuk kelulusan Majlis berkenaan.
  - (5) Mempunyai undi pemutus dalam sidang atau mesyuarat tersebut.
  - (6) Menandatangani semua cek-cek Ibu Pejabat.
  - (7) Membuat sesuatu keputusan ke atas perkara-perkara mendesak atau segera untuk kepentingan Persatuan setelah berunding dengan Majlis Eksekutif dan melaporkan kepada Majlis Tertinggi (MT).
- b. **Timbalan Presiden.**
- (1) Membantu tugas-tugas Presiden.
  - (2) Memangku jawatan Presiden semasa ketiadaannya.
  - (3) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif apabila Presiden tidak hadir.
- c. **Naib-Naib Presiden.**
- (1) Membantu tugas-tugas Presiden.
  - (2) Memangku jawatan Presiden semasa ketiadaan Presiden dan Timbalan Presiden.
  - (3) Mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif apabila Presiden dan Timbalan Presiden tidak hadir.
- d. **Setiausaha Agung.**
- (1) Bertanggungjawab kepada Presiden.
  - (2) Melaksanakan ketetapan dan keputusan Perhimpunan Agung Tahunan Negara, Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif.
  - (3) Bertanggungjawab atas kesempurnaan Perhimpunan Agung Tahunan Negara, Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif.
  - (4) Bertanggungjawab menyelaras dengan Presiden semua minit Perhimpunan Agung Tahunan Negara, Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif serta menyediakan minit-minit itu.
  - (5) Bertanggungjawab menentukan kesempurnaan pentadbiran dan operasi persatuan serta menyenggara segala dokumen Persatuan kecuali buku-buku kira-kira serta rekod-rekod kewangan.
  - (6) Menyediakan Laporan Tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan Persatuan dalam masa setahun untuk Majlis Tertinggi sebelum Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
  - (7) Melaksanakan tugas-tugas lain seperti diarahkan oleh Presiden.
- e. **Bendahari.**
- (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Ibu Pejabat.
  - (2) Menyediakan Penyata Kira-Kira Kewangan Negara yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Bertauliah untuk dibentangkan dalam Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
  - (3) Menyediakan Penyata dan butir kira-kira Bulanan Ibu Pejabat kepada Majlis Tertinggi (MT) bila bersidang.

- (4) Menyediakan Penyata Kira-Kira berakhir 31hb Disember tiap-tiap tahun untuk diaudit oleh Juruaudit Bertauliah dan dihantar ke Pendaftar Persatuan.
  - (5) Memaklumkan kepada Perhimpunan Agung Tahunan Negara kedudukan harta benda milik Persatuan dan Pemegang Amanah.
  - (6) Menandatangani semua cek-cek Ibu Pejabat.
  - (7) Melakukan pemeriksaan buku-buku kira-kira mana-mana peringkat persatuan apabila perlu.
  - (8) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Presiden.
- f. **Ketua Penerangan.**
- (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan kegiatan penerangan, publisiti, perhubungan serta urusan-urusan berkaitan dan melaporkan kepada Majlis Tertinggi (MT).
  - (2) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Presiden.
- g. Ahli-Ahli Majlis Tertinggi (MT) yang lain juga adalah bertanggungjawab ke atas segala keputusan dan menjalankan tugas yang diputuskan oleh Majlis Tertinggi (MT).
- h. Jika jawatan Presiden menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu, maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan itu sehingga diadakan Perhimpunan Agung Tahunan Negara untuk memilih Presiden baharu mengikut Fasal 10.d (7) dan ia mempunyai kuasa mengikut Fasal 13.a.
- i. Jika jawatan Pemangku Presiden menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu, Majlis Tertinggi (MT) hendaklah memilih salah seorang daripada Naib-Naib Presiden atau Ahli-Ahli Majlis memangku jawatan itu sehingga diadakan Perhimpunan Agung Tahunan Negara memilih Presiden baharu mengikut Fasal 10.d (7) dan ia mempunyai kuasa mengikut Fasal 13.a.
- j. Jika kesemua jawatan Ahli Majlis Tertinggi (MT) menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu, maka Pengurus Tetap atau Timbalannya hendaklah dalam tempoh tidak lebih daripada enam puluh (60) hari mengadakan Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara bagi menukuhan semula Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara itu hendaklah menetapkan tempoh perkhidmatan Majlis Tertinggi (MT) yang baru tertubuh itu. Wakil-wakil dari Negeri-Negeri adalah terdiri dari wakil-wakil di dalam Perhimpunan Agung Tahunan Negara yang baharu lalu.

Fasal 14.

#### **TANGGUNGJAWAB MAJLIS TERTINGGI (MT)**

- a. Bertanggungjawab untuk menyenggara serta mempertahankan kedaulatan Perlembagaan Persatuan dan menunaikan segala syarat yang dikehendaki oleh Akta Veteran 2012.
- b. Menjalankan sebarang usaha bersama dengan kumpulan-kumpulan lain atas hal-hal kebijakan atau lain-lain yang sesuai dengan tujuan dan kepentingan persatuan.
- c. Membentangkan kepada Perhimpunan Agung Tahunan Negara Laporan Tahunan dan Penyata Kira-Kira Tahunan berakhir 31hb Disember yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Bertauliah.
- d. Membentangkan kepada Perhimpunan Agung Tahunan Negara Laporan Tahunan dan Penyata Kira-Kira Jawatankuasa Lembaga-Lembaga Amanah Persatuan yang berakhir pada 31hb Disember tahun lepas.

- e. Mentadbir wang serta harta persatuan sebaik-baiknya dan menamakan penandatangan cek-cek Ibu Pejabat selain dari Presiden dan Bendahari serta membuat keputusan mengenai sebarang perbelanjaan daripada wang terkumpul bagi membiayai pentadbiran dan bantuan kebajikan.
- f. Melantik, mengawas dan manamatkan Pemegang Amanah bila-bila masa.
- g. Dengan suara dua pertiga (2/3) dari ahlinya bersetuju, boleh menggantung atau melucutkan keahlian seorang ahli itu. *(Pindaan 2017)*
- h. Menimbang semula dan membuat keputusan muktamad sebarang rayuan ke atas penggantungan atau perlucutan itu tertakluk kepada suara dua pertiga (2/3) ahli-ahlinya yang hadir.
- i. Dengan suara dua pertiga (2/3) dari ahlinya yang bersetuju, boleh melucutkan jawatan mana-mana Ahli Majlis Tertinggi (MT), Jawatankuasa Negeri dan Cawangan atas apa-apa sebab sekali pun.
- j. Tertakluk kepada kelulusan Pendaftar Persatuan Veteran, menubuhkan Persatuan Negeri dan Cawangan, dan berkuasa menggantung atau membubarkan Negeri, Cawangan itu, dan Jawatankuasa masing-masing serta menentukan penubuhan semula dan pemilihan jawatankuasa yang digantung atau dibubarkan itu.
- k. Membuat Peraturan, untuk dipatuhi oleh semua peringkat ke atas perlucutan serta rayuan mengenepikannya.
- l. Dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada bilangan Ahli Majlis Tertinggi (MT) berhak menolak muktamad semua sekali Ahli Perwakilan Negeri yang menghadiri Perhimpunan Agung Tahunan Negara yang didapati ada mana-mana Ahli Perwakilan Negeri atau Negeri yang tidak sah atau telah diambil sebarang tindakan disiplin.
- m. Dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada bilangan Ahlinya Majlis Tertinggi (MT) berhak menangguhkan Perhimpunan Agung Tahunan Negara sekiranya didapati atau terdapat perkara yang akan menjelaskan suasana keselamatan atau perjalanan persidangan.
- n. Menetapkan tarikh Perhimpunan Agung Tahunan Negara supaya membolehkan Negeri mengadakan persidangan mereka selewat-lewatnya tiga puluh (30) hari sebelum Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
- o. Menghantar kepada Negeri Penyata Tahunan berserta dengan Penyata Kira-Kira tujuh (7) hari sebelum tarikh Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
- p. Membuat dan meminda (bila masa perlu) agenda Perhimpunan/Persidangan Tahunan semua peringkat persatuan.
- q. Membuat apa juar keputusan yang tidak terdapat dalam tugas dan tanggungjawab Majlis Tertinggi (MT) demi kesempurnaan atau kepentingan Persatuan.
- r. Berusaha supaya ahli-ahli Pesatuan dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, Lembaga-Lembaga atau Majlis Tempatan dan menyokong penganugerahan Darjah dan Pingat kepada ahli-ahli yang berkelayakan.
- s. Mentafsir muktamad fasal-fasal yang kurang jelas didalam perlembagaan apabila perlu dan diperlukan.
- t. Mentafsir/menilai sesuatu keadaan dan seterusnya memberi nasihat/pandangan kepada Negeri dan Cawangan ke atas perkara-perkara tertentu demi kepentingan persatuan. *(Pindaan 2017)*
- u. Berkuasa membuat Peraturan-Peraturan di mana perlu, berhubungkait dengan fasal-fasal dalam Perlembagaan ini demi kesempurnaan persatuan dan memindanya.

Fasal 15.

### **PEGUAM**

Jawatankuasa di setiap peringkat boleh melantik seorang atau sebuah Syarikat Peguam untuk memberi khidmat guaman kepada persatuan dan Pegawai-Pegawai Persatuan dalam perkara-perkara yang dipersetujui sebagai perlu dan khidmat itu dibayar oleh Persatuan. (Pindaan 2017)

Fasal 16.

### **PEMBUBARAN PERSATUAN**

- a. Persatuan boleh dibubarkan dengan cara sukarela oleh Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara atas ketetapan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) jumlah Perhimpunan Agung Negara yang hadir dan mewakili tiga perempat (3/4) buah daripada jumlah Negeri-Negeri dalam Persatuan.
- b. Apabila persatuan dibubarkan, ahli-ahli di semua peringkat hendaklah menamatkan kerja-kerja persatuan dan melepaskan semua harta-benda tetap persatuan. Setelah menjelaskan hutang piutang yang sahih, Majlis Tertinggi (MT) hendaklah membahagikan harta benda persatuan kepada Pertubuhan-Pertubuhan Kebajikan lain yang ada kaitan dengan veteran dan bekas-bekas tentera seperti mana yang ditetapkan oleh Perhimpunan Agung Tahunan atau Perhimpunan Agung Khas Negara semasa tindakan pembubaran persatuan itu.
- c. Kenyataan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Persatuan oleh Ibu Pejabat dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh pembubaran itu.

Fasal 17.

### **MAJLIS EKSEKUTIF**

- a. Majlis Eksekutif, di semua peringkat, adalah menjadi Badan Pengurusan Pertubuhan Persatuan di sesuatu peringkat itu. Ia berkuasa mengambil sebarang langkah, terutamanya dalam perkara-perkara mendesak di mana keadaan adalah dikira penting untuk kesempurnaan dan kepentingan pengurusan Persatuan.
- b. Ahli-Ahli Majlis Eksekutif di peringkat Negara adalah terdiri dari pegawai-pegawai berikut:
  - (1) Presiden.
  - (2) Timbalan Presiden.
  - (3) Empat (4) Naib Presiden.
  - (4) Setiausaha Agung.
  - (5) Bendahari.
  - (6) Ketua Penerangan.
  - (7) Presiden boleh memanggil Ketua Srikandil dan Ketua Beliawira menghadiri mesyuarat apabila diperlukan.
- c. Tanggungjawab dan Tugas:
  - (1) Bersidang atas kehendak Presiden, dalam keadaan biasa, dengan tujuh (7) hari notis. Jangka masa notis ini boleh dikurangkan sekiranya sesuatu perkara itu mendesak. Jika keadaan memerlukan, notis boleh dihantar melalui media elektronik dan media sosial seperti email dan WhatsApp disusuli melalui surat.
  - (2) Merangka dan menggubal strategi selaras dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).
  - (3) Menilai dan melaksanakan sesuatu keperluan luar biasa yang timbul atau perkara 'ad-hoc' dalam masa yang dihadkan oleh situasi atau oleh pihak-pihak berkuasa atau pihak-pihak tertentu dan melaporkan perlaksanaan itu kepada Jawatankuasa.

(Pindaan 2017)

- (4) Menilai perkara-perkara luar biasa yang timbul melibatkan keutuhan atau keberkesan pentadbiran serta operasi persatuan dan mengambil tindakan yang sewajarnya demi kebaikan persatuan dan melaporkan kepada Jawatankuasa.
- (5) Mengkaji dan menilai perkara-perkara yang bermanfaat yang boleh menegakkan lagi imej serta memantapkan keutuhan persatuan dan membentangkannya dalam jawatankuasa untuk perbincangan lanjut dan persetujuan.
- (6) Mengkaji dan meneliti implikasi perkara-perkara yang disarankan oleh Presiden, Yang DiPertua atau Ketua Cawangan, di peringkat masing-masing dan memberi nasihat yang berkenaan itu.
- (7) Melantik Biro-Biro atau Pasukan Petugas dan meneliti kajian-kajian yang dikendalikan oleh Biro-Biro atau Pasukan Petugas dan memberi pandangan sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa.
- (8) Meneliti Laporan-Laporan Siasatan mengenai tatatertib serta memberi pandangan sebelum dibincangkan dengan lanjut dan diputuskan dalam Jawatankuasa.
- (9) Mencadang dan menyokong perlantikan dan pemecatan Setiausaha Agung, Ketua Penerangan, Bendahari, Pengurus atau Ahli-Ahli Biro, Kakitangan Awam Persatuan, Setiausaha Negeri atau Setiausaha Cawangan berpandukan kepada pandangan Presiden, Yang DiPertua Negeri atau Ketua Cawangan peringkat masing-masing itu.
- (10) Di peringkat Cawangan, meneliti atau menolak permohonan menjadi ahli dan mengemukakannya kepada Negeri permohonan yang disokong. Di Peringkat Negeri, meluluskan atau menolak sebarang permohonan menjadi ahli. Sokongan penolakan dan kelulusan itu hendaklah dilaporkan kepada jawatankuasa peringkat masing-masing.
- (11) Menyiasat apabila perlu dan membuat keputusan ke atas perselisihan di dalam persatuan atau memberi pandangan atau sokongan untuk penelitian Jawatankuasa peringkat masing-masing sekiranya ianya tidak dapat membuat sebarang keputusan.
- (12) Menyiasat sendiri atau mengarahkan sesuatu Biro atau Badan Petugas menyiasat sebarang perlanggaran Perlembagaan atau Peraturan Persatuan oleh ahli atau organisasi bawahan peringkat masing-masing dan mengemukakan pandangan kepada Jawatankuasa peringkat itu.
- (13) Bertindak menggantung sementara pentadbiran sesuatu organisasi bawahan yang lemah, bermasalah atau berada dalam keadaan yang akan menjaskan nama baik, imej serta reputasi organisasi atau persatuan dan membentuk Pasukan Penyelaras.
- (14) Khas, di peringkat Ibu Pejabat menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya berhubung dengan sesuatu perkara disiplin di mana Negeri telah gagal atau terlalu lambat mengambil tindakan terhadap sebuah Cawangan atau seseorang ahli di bawah naungannya yang telah didapati melanggar Perlembagaan atau Peraturan Persatuan.
- (15) Meneliti dan memberi pandangan ke atas rayuan penggantungan atau perlucutan keahlian mengikut Peraturan Persatuan yang wujud atau yang diubahsuai (dari masa ke semasa) mengenainya untuk diputuskan oleh Jawatankuasa berkenaan.

- d. Korum Mesyuarat:
- (1) Negara - 5 orang.
  - (2) Negeri - 5 orang.
  - (3) Cawangan - 4 orang.

Fasal 18. **TEMPAT URUSAN PERSATUAN**

- a. Tempat Urusan Persatuan bertempat di Tingkat Tiga Wisma Pahlawan, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur atau di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi (MT) dan diluluskan oleh Pendaftar Persatuan.
- b. Tiap pertukaran alamat, Ibu Pejabat hendaklah memaklumkan kepada dan mendapat kelulusan Pendaftar Persatuan.

Fasal 19. **PENUBUHAN PERSATUAN PERINGKAT NEGERI**

(Pindaan 2017)

Majlis Tertinggi (MT) berkuasa menubuhkan sesebuah persatuan di setiap negeri (selepas ini dirujuk sebagai Negeri) di mana terdapat tidak kurang daripada Tiga Ratus (300) orang Ahli yang sah dan membubarkannya apabila bilangan ahlinya kurang dari Tiga Ratus (300) orang.

Fasal 20. **PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN NEGERI**

- a. Tertakluk kepada perkembangan dan Peraturan Persatuan, perjalanan Negeri adalah berdasarkan pada kuasa dan Perintah Persidangan Perwakilan Tahunan Negeri.
- b. Persidangan Perwakilan Tahunan Negeri hendaklah diadakan setahun sekali, tidak lewat dari tiga puluh (30) hari sebelum Perhimpunan Agung Tahunan Negara.
- c. Tugas Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap:
  - (1) Mempengerusikan Persidangan Biasa dan Khas.
  - (2) Timbalan Pengerusi Tetap akan menjalankan tugas semasa ketiadaan Pengerusi Tetap.
  - (3) Sekiranya Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap tidak hadir di dalam Persidangan itu, Persidangan itu hendaklah memilih seorang ahli dari kalangan Jawatankuasa Negeri (kecuali Yang DiPertua) atau dari kalangan Perwakilan atau dari kalangan Pemerhati (Ahli) yang hadir sebagai Pengerusi Tetap Sementara.
- d. Tugas-Tugas Persidangan Perwakilan Tahunan Negeri:
  - (1) Mengesahkan Minit Persidangan Perwakilan Tahunan Negeri yang lalu.
  - (2) Membentangkan Penyata Kira-Kira Tahunan Negeri yang berakhir pada 31hb Disember tahun lepas.
  - (3) Membentangkan Laporan Tahunan Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Lembaga Amanah Negeri dan anak-anak syarikat serta Penyata Kira-Kira Tahunan Lembaga Amanah Persatuan berakhir 31hb Disember tahun lepas.
  - (4) Memilih Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Negeri, apabila tiba masanya untuk tempoh tiga (3) tahun.Calon-calon hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang tidak memegang sebarang jawatan di dalam Majlis Tertinggi (MT), Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Cawangan.

- (5) Memilih Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua dan dua (2) Naib Yang DiPertua serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri mengikut Fasal 21.a (1) hingga (3) dan Fasal 21.a (9), apabila tiba masanya, untuk tempoh tiga (3) tahun. Calon-calon untuk Fasal 21.a (1) hingga (3) dan Fasal 21.a (9) hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang sedang memegang sebarang jawatan dalam mana-mana Cawangan Persatuan kecuali Pengurus Tetap atau Timbalan Pengurus Tetap di mana-mana peringkat Persatuan.
  - (6) Dua Naib Yang DiPertua yang dipilih akan dinamakan Naib Yang DiPertua I dan Naib Yang DiPertua II mengikut susunan jumlah undi terbanyak diperolehi semasa pemilihan.
  - (7) Memilih Juruaudit Bertauliah.
  - (8) Memilih empat belas orang (14) Perwakilan Negeri ke Perhimpunan Agung Tahunan Negara dimana Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua dan dua (2) Naib Yang DiPertua dipilih secara automatik sebagai sebahagian daripada 14 orang Perwakilan tersebut. Perwakilan Negeri yang dipilih di luar daripada Persidangan Perwakilan Negeri atau sebarang pertukaran selepas itu adalah tidak sah. Walau bagaimanapun, mereka yang tersebut yang dipilih secara automatik sebagai Perwakilan Negara atau Negeri boleh mencalonkan pengganti dan calon-calon pengganti tersebut hendaklah disahkan semasa Persidangan Perwakilan Negeri itu juga.
  - (9) Dua Naib Yang DiPertua yang dipilih akan dinamakan Naib Yang DiPertua 1 dan Naib Yang DiPertua II mengikut susunan jumlah undi terbanyak diperolehi semasa pemilihan.
  - (10) Membincang dasar-dasar Persatuan untuk dikemukakan, sebagai usul, kepada Majlis Tertinggi (MT).
  - (11) Mengkaji kerja-kerja yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Negeri.
- e. Komposisi Persidangan Perwakilan Tahunan Negeri:
- (1) Pengurus Tetap dan Timbalan Pengurus Tetap.
  - (2) Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri.
  - (3) Perwakilan dari tiap-tiap Cawangan yang dipilih oleh Mesyuarat Cawangan tertakluk kepada nisbah bilangan:
    - (a) 50 hingga 100 ahli - Sepuluh (10) orang.
    - (b) 101 hingga 200 ahli - Sebelas (11) orang.
    - (c) 201 hingga 300 ahli - Dua belas (12) orang.
    - (d) 301 hingga 400 ahli - Tiga belas (13) orang.
    - (e) 401 hingga 500 ahli - Empat belas (14) orang.
    - (f) 501 ahli ke atas - Lima belas (15) orang.
  - (4) Tanpa menghiraukan apa-apa peruntukan lain di dalam Perlembagaan, semua Ketua Cawangan yang tidak duduk dalam Jawatankuasa Negeri adalah secara automatik dipilih sebagai Perwakilan ke Persidangan Perwakilan Negeri. Pemilihan Ketua Cawangan tersebut tidak akan mengambil atau pun mengurangkan nisbah bilangan Perwakilan Cawangannya yang sedia ada di Fasal 20.e.(3). Ketua Cawangan yang duduk dalam Jawatankuasa Negeri berhak memilih pengantinya sebagai Perwakilan ke Persidangan Perwakilan Negeri.

- f. Persidangan Perwakilan Khas Negeri hendaklah diadakan apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut mengenai sesuatu masalah:
- (1) Dengan kehendak Yang DiPertua.
  - (2) Dengan permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri.
  - (3) Dengan permintaan bertulis oleh sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada jumlah semua Cawangan dengan syarat Cawangan-Cawangan itu telah mengadakan Persidangan Khas mereka atas masalah atau perkara yang sama.
  - (4) Dengan kehendak Majlis Tertinggi (MT).
- g. Berasaskan kepada Fasal 20.f (2) atau 20.f (3), Setiausaha Negeri hendaklah memanggil Persidangan Perwakilan Khas Negeri itu. Jika Setiausaha Negeri tidak berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan permintaan atau arahan tersebut, maka Persidangan Perwakilan Khas Negeri itu hendaklah dipanggil oleh Majlis Tertinggi (MT).
- h. Persidangan Perwakilan Khas Negeri itu hendaklah diadakan mengikut kaedah Perwakilan Cawangan dan, Perwakilan-Perwakilan yang hadir di dalam Persidangan Perwakilan Negeri yang lalu sahaja boleh hadir kecuali Mesyuarat Agung Khas Cawangan yang memohon itu mengantikannya dengan wakil-wakil lain.

## Fasal 21. **JAWATANKUASA NEGERI**

- a. Jawatankuasa Negeri hendaklah terdiri daripada:
- (1) Yang DiPertua.
  - (2) Timbalan Yang DiPertua.
  - (3) Dua (2) orang Naib Yang DiPertua.
  - (4) Setiausaha.
  - (5) Bendahari.
  - (6) Ketua Penerangan.
  - (7) Pengerusi Srikandi Negeri (boleh mengundi sekiranya Ahli ).
  - (8) Pengerusi Beliawira Negeri (boleh mengundi sekiranya Ahli ).
  - (9) Tidak lebih daripada lima belas (15) orang yang dipilih oleh Persidangan Perwakilan Negeri.
  - (10) Tidak lebih daripada lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Yang DiPertua untuk tempoh selama tiga (3) tahun (kecuali mereka diberhentikan atau mereka meletakkan jawatan) dan tiga (3) orang ahli yang dilantik ini hendaklah terdiri daripada Veteran Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia.
  - (11) Seorang Pegawai yang dilantik oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).
  - (12) Seorang Pegawai yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM).
  - (13) Seorang Pegawai yang dilantik oleh Markas ATM.
  - (14) Seorang Pegawai yang dilantik oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

(Pindaan 2017)

- b. Ketua Cawangan yang dipilih memegang salah satu jawatan mengikut Fasal 21.a (1) hingga (3) berhak melantik gantinya di dalam Jawatankuasa Negeri.
- c. Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan ahli-ahli yang dilantik oleh Yang DiPertua Negeri akan memegang jawatan mereka selama tiga (3) tahun kecuali mereka diberhentikan oleh Yang DiPertua atau mereka meletakkan jawatan.
- d. Pengerusi Srikandi dan Pengerusi Beliawira dilantik oleh Yang DiPertua selepas setiap kali pemilihan Jawatankuasa Negeri di adakan.
- e. Calon-calon yang bertanding untuk memegang jawatan Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua atau Naib Yang DiPertua dan Jawatankuasa Negeri hendaklah dinamakan oleh sekurang-kurangnya dua (2) Mesyuarat Agung Cawangan.
- f. Calon-calon yang dicadangkan oleh Mesyuarat Agung Cawangan itu hendaklah dikemukakan dan sampai kepada Setiausaha Negeri tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari sebelum Persidangan Perwakilan Tahunan Negeri diadakan.
- g. Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri yang dipilih tidak menjadi kosong disebabkan seseorang ahli itu dilantik menjadi Setiausaha, Bendahari atau Ketua Penerangan atau meletakkan jawatan atau diberhentikan kerana apa sebab jua pun atau meninggal dunia.
- h. Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri yang dipilih tidak menjadi kosong disebabkan seseorang ahli itu dilantik menjadi Setiausaha, Bendahari atau Ketua Penerangan atau meletakkan jawatan atau diberhentikan kerana apa sebab jua pun atau meninggal dunia.
- i. Jawatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri, termasuk Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua dan Naib-Naib Yang DiPertua, boleh dilucutkan atau Jawatankuasa Negeri dibubarkan oleh Persidangan Perwakilan Khas Negeri dengan undian tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada jumlah bilangan Perwakilan yang berhak hadir.
- j. Jawatankuasa Negeri hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan. Empat belas (14) hari notis adalah perlu untuk sesuatu Mesyuarat Ahli Jawatankuasa tersebut. Bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Negeri boleh diadakan:
  - (1) Pada bila-bila masa lain yang dikehendaki oleh Yang DiPertua.

Atau

- (2) Dengan permintaan bertulis oleh dua pertiga (2/3) daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa.
- j. Jika Setiausaha Negeri tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 21.i (2) dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan permohonan yang dibuat itu, maka ahli-ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri dijemput hadir.
- k. Satu perdua (1/2) daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Negeri.

## Fasal 22. **TUGAS JAWATANKUASA NEGERI**

- a. Yang DiPertua.
  - (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Negeri dan Cawangan di dalam Negeri.
  - (2) Bertanggungjawab atas semua pegawai dan anggota pejabat Negeri.

- (3) Memanggil dan mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan berhak membuang undi pemutus.
  - (4) Bertanggungjawab meneliti semua minit Mesyuarat Negeri dan Majlis Eksekutif sebelum disediakan untuk dibentang dan menandatangani minit yang diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri dan Majlis Eksekutif itu.
  - (5) Melantik, menggantung atau memecat Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Kakitangan Pejabat Negeri setelah berunding dengan Majlis Eksekutif dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas mereka.
  - (6) Melantik, menggantung atau memecat lima (5) orang Ahli Jawatankuasa dalam Fasal 21.a (10).
  - (7) Menandatangani semua cek-cek Negeri.
  - (8) Membuat sebarang keputusan dalam keadaan mendesak bagi kepentingan Negeri, setelah berunding dengan Majlis Eksekutif dan melaporkan kepada Jawatankuasa Negeri.
- b. Timbalan Yang DiPertua.
- (1) Membantu tugas-tugas Yang DiPertua.
  - (2) Memangku jawatan Yang DiPertua semasa ketiadaan Yang DiPertua
  - (3) Mempengerusikan Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa dan Majlis Eksekutif apabila Yang DiPertua tidak hadir.
- c. Naib-Naib Yang DiPertua.
- (1) Membantu tugas-tugas Yang Dipertua.
  - (2) Memangku jawatan Yang DiPertua jika Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua tidak ada.
  - (3) Mempengerusikan Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa dan Majlis Eksekutif apabila Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua tidak hadir.
- d. Setiausaha.
- (1) Bertanggungjawab kepada Yang DiPertua.
  - (2) Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan Perwakilan Negeri.
  - (3) Bertanggungjawab menyelaras dengan Yang DiPertua semua Minit Persidangan, Perwakilan, dan Majlis Eksekutif serta menyediakan minit itu.
  - (4) Melaksanakan segala ketetapan dan keputusan yang diambil oleh Persidangan Perwakilan Negeri, Mesyuarat Jawatankuasa dan Majlis Eksekutif.
  - (5) Bertanggungjawab atas kesempurnaan urusan pentadbiran dan surat menyurat serta penyenggaraan buku dan dokumen kecuali buku kira-kira dan rekod-rekod kewangan Negeri.
  - (6) Menyediakan Laporan Tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan Persatuan dalam masa setahun untuk Jawatankuasa sebelum Persidangan Perwakilan Negeri.
  - (7) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Yang DiPertua.

- e. Bendahari.
  - (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Negeri.
  - (2) Menyediakan dan membentangkan Penyata Kewangan Bulanan Negeri kepada Jawatankuasa Negeri apabila bersidang dan membentangkan Penyata Kewangan Tahunan yang disahkan oleh Juruaudit kepada Jawatankuasa sebelum Persidangan Perwakilan Negeri.
  - (3) Membentangkan Penyata Kewangan Negeri yang telah disahkan oleh Juruaudit yang bertauliah dalam Persidangan Perwakilan Negeri.
  - (4) Menyenggara semua buku dan dokumen kira-kira Negeri dengan sempurna.
  - (5) Menandatangani cek-cek Negeri.
  - (6) Memaklumkan kepada Jawatankuasa Negeri kedudukan harta benda Negeri dan Pemegang Amanah sekurang-kurangnya sekali setahun.
  - (7) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Yang DiPertua.
- f. Ketua Penerangan.
  - (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan penyenggaraan dan pelaksanaan tugas dan aktiviti penerangan peringkat Negeri.
  - (2) Melaporkan kepada Negeri akan tugas-tugas tersebut.
  - (3) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Yang DiPertua.
- g. Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri yang lain juga adalah bertanggung-jawab ke atas segala keputusan dan menjalankan tugas yang diputuskan oleh Jawatankuasa Negeri.
- h. Jika jawatan Yang DiPertua Negeri menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu maka Timbalan Yang DiPertua memangku jawatan itu. Jika jawatan Pemangku Yang DiPertua menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu maka Jawatankuasa bolehlah melantik salah seorang dari Naib-Naib Yang DiPertua atau Ahli Jawatankuasa jika ketiadaan Naib Yang DiPertua untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Persidangan Perwakilan Negeri mengikut Fasal 20.b dan d (5).
- i. Jika jawatan Ahli Jawatankuasa Negeri menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu sehingga Ahli-Ahli Jawatankuasa yang tinggal kurang daripada dua pertiga (2/3) dari jumlah ahli yang dipilih. Majlis Tertinggi (MT) hendaklah memanggil satu Mesyuarat Agung Khas untuk memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa yang baru untuk mengisi kekosongan itu. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa menentukan tempoh perkhidmatan ahli-ahli yang baru itu.

(Pindaan 2017)

### Fasal 23. **TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA NEGERI**

- a. Menyenggara serta mempertahankan kedaulatan Perlembagaan dan Peraturan Persatuan.
- b. Menentukan pematuhan ke atas segala syarat yang dikehendaki oleh Akta Veteran 2012.
- c. Merancang perjalanan dan pentadbiran Negeri.
- d. Mengawasi perjalanan dan menyelesaikan masalah-masalah Cawangan.
- e. Mentadbir wang dan harta benda Negeri dengan sempurna.

- f. Membuat keputusan mengenai sebarang perbelanjaan daripada wang terkumpul Negeri bagi membiayai pentadbiran dan bantuan kebajikan Negeri.
- g. Dengan persetujuan dua pertiga (2/3) Ahli Jawatankuasa boleh mencadangkan kepada Majlis Tertinggi (MT) pengantungan atau pembubaran sesebuah Cawangan kerana apa jua sebab pun.
- h. Mencadangkan kepada Majlis Tertinggi (MT) pengantungan keahlian atau pemecatan atau sebarang tindakan tatatertib terhadap seseorang ahli yang didapati melanggar peruntukan Perlembagaan atau Peraturan atau tatatertib Persatuan setelah sesuatu siasatan dibuat.
- i. Membentangkan Laporan Tahunan serta Penyata Kewangan yang telah disahkan oleh Juruaudit Bertauliah dalam Persidangan Perwakilan Negeri.
- j. Menghantar kepada Setiausaha Agung Laporan Aktiviti Tahunan dan Penyata Kewangan Tahunan yang telah dibentangkan dan disahkan dalam Persidangan Perwakilan Negeri.
- k. Menetapkan tempat menyimpan wang Negeri dan menamakan Ahli selain dari Yang DiPertua dan Bendahari, yang dibenarkan menandatangani cek-cek Negeri.
- l. Berkerjasama dengan Cawangan bagi menyediakan dan memperkemaskan senarai ahli-ahli dalam Negeri.
- m. Menentukan Perwakilan Cawangan yang dipilih oleh cawangan ke Persidangan Perwakilan Negeri adalah layak dan sah, dan sekiranya didapati tidak sah atas sebab apa jua sekalipun, dengan persetujuan tidak kurang dari dua pertiga (2/3) Ahli Jawatankuasa Negeri berhak memutuskan untuk menolak kesemua Perwakilan Cawangan tersebut dan dengan penolakan ini keputusan jawatankuasa Negeri menjadi muktamad apabila disampaikan secara bertulis kepada cawangan tersebut. *(Pindaan 2017)*
- n. Menetapkan tarikh Mesyuarat Agung Cawangan setelah berunding dengan Ketua Cawangan.
- o. Membuat apa jua pun keputusan yang tidak terdapat dalam tugas-tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Negeri demi kesempurnaan atau kepentingan-kepentingan Negeri.
- p. Berusaha supaya ahli-ahli Persatuan dipilih atau dilantik sebagai Ahli Lembaga-Lembaga, Majlis Tempatan dan sebagainya.
- q. Dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa berhak menangguhkan Persidangan Perwakilan Negeri sekiranya didapati atau terdapat perkara yang akan menjelaskan suasana keselamatan dan perjalanan persidangan itu.

#### Fasal 24. **MAJLIS EKSEKUTIF NEGERI**

- a. Komposisi
  - (1) Yang DiPertua.
  - (2) Timbalan Yang DiPertua.
  - (3) Dua (2) Naib Yang DiPertua.
  - (4) Setiausaha.
  - (5) Bendahari.
  - (6) Ketua Penerangan.
  - (7) Yang DiPertua boleh memanggil Pengerusi Srikandi dan Pengerusi Beliawira menghadiri mesyuarat apabila diperlukan.
- b. Tanggungjawab dan fungsi Majlis Eksekutif, mengikut Fasal 17, boleh digunakan untuk keperluan Negeri dan disesuaikan.

## **Fasal 25. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBUBARAN NEGERI**

- a. Sesbuah Negeri itu boleh digantung oleh Majlis Tertinggi (MT) apabila ianya:
- (1) Mempunyai kurang dari tiga ratus (300) Ahli Seumur Hidup yang sah atau;
  - (2) Enggan mematuhi Perlembagaan atau Peraturan Persatuan atau keputusan Persidangan Perwakilan Negara mengenai sesuatu hal.
  - (3) Tidak menurut perintah atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Pendaftar Persatuan.
- b. Negeri boleh dibubarkan setelah mendapat kelulusan Majlis Tertinggi (MT) dengan cara sukarela oleh Persidangan Perwakilan Khas Negeri atas ketetapan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) jumlah Perwakilan Persidangan Negeri yang hadir dan mewakili tiga perempat (3/4) buah daripada jumlah Cawangan-Cawangan di dalam Negeri.
- c. Majlis Tertinggi (MT) hendaklah memindahkan ahli-ahli Negeri itu ke Negeri-Negeri lain mengikut pilihan ahli-ahli itu.
- d. Majlis Eksekutif Negara, tertakluk kepada tugasnya dalam Fasal 17, juga berkuasa menggantung sementara pentadbiran sesbuah Negeri itu bagi menyelesaikan masalah mendadak Negeri itu atau memudahkan pemberian bantuan segera kepadanya jika Negeri itu telah didapati melakukan sesuatu yang ekorannya boleh merosakkan nama baik Persatuan atau pentadbiran sendiri dan Cawangan-Cawangan di bawahnya. Dalam hubungan ini, Majlis Eksekutif Negara hendaklah menujuhkan segera Jawatankuasa Penyelaras.

## **Fasal 26. TEMPAT URUSAN NEGERI**

Tempat Urusan Negeri bolehlah ditempatkan di mana jua tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Negeri itu dan diluluskan oleh Pendaftar Persatuan.

## **Fasal 27. CAWANGAN**

- a. Setiap PVATM Negeri mestilah mengandungi tidak lebih dari 25 buah cawangan, dan peraturan ini tidak tertakluk kepada PVATM Negeri yang sekarang telah mempunyai lebih dari 25 buah cawangan. Walau bagaimanapun, PVATM Negeri yang telah mempunyai cawangan melebihi 25 buah tidak dibenarkan menujuhkan cawangan yang baharu sebagai pengganti kepada mana-mana cawangannya sedia ada yang telah dibubarkan.
- b. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa memberi kebenaran menujuhkan sesbuah cawangan di dalam konstitusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri atau mana-mana cawangan difikirkan perlu mengikut syarat dan peraturan seperti berikut:
- (1) Proses penujuhnan mestilah melalui PVATM Negeri yang berkenaan sebelum dimajukan ke Ibu Pejabat PVATM.
  - (2) Jawatankuasa Penaja (Protem Committee) hendaklah ditubuhkan mengandungi tidak lebih dari 10 orang ahli seumur hidup (ASH) PVATM dari mana-mana cawangan dalam negeri yang berkenaan. Jawatankuasa Penaja hendaklah menerangkan dengan jelas tujuan cawangan baru perlu ditubuhkan.
  - (3) Mana-mana Ahli Jawatankuasa di peringkat Negeri dan/atau Cawangan yang sedang memegang jawatan di peringkat Negeri dan/atau Cawangan tidak dibenarkan menjadi Ahli Jawatankuasa Penaja, walaupun setelah meletak jawatan secara sukarela di peringkat Negeri dan/atau Cawangan.

*(Pindaan 2017)*

- (4) Jawatankuasa Penaja perlu mendapatkan ahli seramai tidak kurang dari 50 orang ahli baharu yang belum pernah mendaftar sebagai ahli sebelum memajukan permohonan ke PVATM Negeri.
- (5) Cawangan yang baharu ditubuhkan perlu mengadakan Mesyuarat Agung Pertama dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan penubuhan oleh Pendaftar Persatuan.
- (6) Mana-mana Ahli Jawatankuasa PVATM Negeri dan Cawangan yang ada sekarang tidak dibenarkan memegang jawatan dalam cawangan yang baharu ditubuhkan sebelum pertukaran cawangan diluluskan walaupun mereka telah meletak jawatan yang dipegang secara sukarela.
- (7) Permohonan pertukaran Cawangan ke Cawangan baharu hanya boleh dilakukan setelah cawangan baharu selesai mengadakan Mesyuarat Agung Pertama.
- c. Majlis Eksekutif melalui Biro Disiplin dan Pertubuhan di peringkat Negara hendaklah menyemak semua fakta dan dokumen permohonan penubuhan Cawangan baru sebelum dikemukakan ke Majlis Tertinggi (MT) untuk disahkan sebelum ianya dimajukan ke Pendaftar Persatuan untuk kelulusan.
- d. Berpandukan kepada nasihat Majlis Eksekutif di peringkat Negara, Majlis Tertinggi (MT) berkuasa menyekat penubuhan mana-mana cawangan sekiranya diperlukan. Majlis Tertinggi juga berkuasa mengadakan apa-apa peraturan tambahan sekiranya di perlukan.

#### Fasal 28.

#### **MESYUARAT AGUNG CAWANGAN**

- a. Tertakluk kepada Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan Perhimpunan Persatuan, perjalanan Cawangan adalah berasaskan kepada kuasa dan perintah Mesyuarat Agung Cawangan.
- b. Mesyuarat Agung Cawangan hendaklah diadakan setahun sekali, tidak lewat dari tiga puluh (30) hari sebelum Persidangan Perwakilan Negeri.
- c. Tugas Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap:
  - (1) Mempengerusikan Persidangan Biasa dan Khas.
  - (2) Timbalan Pengerusi Tetap akan menjalankan tugas semasa ketiadaan Pengerusi Tetap.
  - (3) Sekiranya Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap tidak hadir dalam Persidangan itu, Persidangan itu hendaklah memilih seorang ahli dari kalangan Jawatankuasa Cawangan (kecuali Ketua Cawangan) atau dari kalangan Ahli-Ahli Cawangan itu yang layak hadir atau dari kalangan Ahli Negeri di bawah mana Cawangan itu bernaung sebagai Pengerusi Tetap Sementara.
- d. Tugas-tugas Mesyuarat Agung Cawangan:
  - (1) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lalu.
  - (2) Membentangkan Penyata Kira-Kira Tahunan yang berakhir pada 31hb Disember tahun lepas.
  - (3) Membentangkan Laporan Jawatankuasa Cawangan dan Jawatankuasa Amanah Cawangan dan anak-anak syarikat serta Penyata Kira-Kira Tahunan Lembaga Amanah Persatuan yang berakhir pada 31hb Disember tahun lepas.
  - (4) Memilih Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Cawangan, apabila tiba masanya, untuk tempoh tiga (3) tahun. Calon-calon hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang tidak memegang sebarang jawatan di dalam Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Cawangan.

- (5) Memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut dan tertakluk kepada Fasal 29.a (1) hingga (3) dan (9), apabila tiba masanya, untuk tempoh tiga (3) tahun. Calon-calon hendaklah terdiri daripada ahli-ahli Cawangan itu sendiri yang bukan Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap di mana-mana peringkat Persatuan.
  - (6) Memilih dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira dari kalangan ahli PVATM Cawangan itu.
  - (7) Memilih wakil-wakil Cawangan ke Persidangan Perwakilan Negeri mengikut nisbah yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persatuan dan nama semua Perwakilan hendaklah disenaraikan. Wakil-wakil Cawangan yang dipilih di luar daripada Mesyuarat Agung atau sebarang pertukaran selepas itu adalah tidak sah.
  - (8) Mencadangkan calon-calon untuk bertanding menjadi Jawatankuasa Negeri mengikut Fasal 21.a (1) hingga (3) dan (9) apabila tiba masanya untuk tempoh tiga (3) tahun kecuali Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap di mana-mana peringkat.
  - (9) Mencadangkan sepuluh (10) orang Wakil-Wakil Negeri ke Persidangan Perwakilan Negara.
  - (10) Membincangkan dasar Persatuan untuk dikemukakan, sebagai usul kepada Jawatankuasa Negeri.
  - (11) Mengkaji kerja-kerja yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Cawangan.
- e. Komposisi Mesyuarat Agung Cawangan:
- (1) Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
  - (2) Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan.
  - (3) Ahli-Ahli Cawangan.
  - (4) Ahli-Ahli Srikandi dan Beliauira yang telah mendaftar menjadi ahli berkenaan mengikut Fasal 35, boleh mengambil bahagian dan mengundi di dalam Persidangan atau Mesyuarat Agung serta boleh dipilih memegang sebarang jawatan sekiranya ahli itu ialah seorang Ahli.
- f. Mesyuarat Agung Khas Cawangan hendaklah diadakan apabila dikehendaki oleh salah satu daripada permintaan berikut:
- (1) Dengan kehendak Ketua Cawangan.
  - (2) Dengan permintaan bertulis daripada sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan.
  - (3) Dengan permintaan dua pertiga (2/3) daripada jumlah Ahli yang sah di dalam Cawangan itu.
  - (4) Dengan kehendak Majlis Tertinggi atau Jawatankuasa Negeri.
- g. Setiausaha Cawangan hendaklah memanggil Mesyuarat Agung Khas Cawangan itu. Jika Setiausaha Cawangan tidak berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan permintaan atau arahan tersebut, maka Mesyuarat Agung Khas Cawangan itu hendaklah dipanggil oleh Jawatankuasa Negeri.
- h. Mesyuarat Agung Khas Cawangan itu hendaklah mengikut kaedah Mesyuarat Agung Cawangan dalam Fasal 28.e.

Fasal 29. **JAWATANKUASA CAWANGAN**

- a. Jawatankuasa Cawangan hendaklah terdiri daripada:
- (1) Ketua.
  - (2) Timbalan Ketua.
  - (3) Naib Ketua.
  - (4) Setiausaha.
  - (5) Bendahari.
  - (6) Pegawai Penerangan.
  - (7) Pengerusi Srikandi Cawangan (boleh mengundi sekiranya Ahli ).
  - (8) Pengerusi Beliawira Cawangan (boleh mengundi sekiranya Ahli ).
  - (9) Tidak lebih daripada sepuluh (10) orang Ahli Jawatankuasa dipilih oleh Mesyuarat Agung
  - (10) Tidak lebih daripada lima (5) orang ahli yang dilantik oleh Ketua untuk tempoh selama tiga (3) tahun (kecuali mereka diberhentikan atau mereka meletakkan jawatan) dan tiga (3) orang dari ahli yang dilantik ini terdiri daripada Veteran Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia.
- b. Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan serta ahli-ahli yang dilantik oleh Ketua Cawangan akan memegang jawatan mereka selama tiga (3) tahun kecuali mereka diberhentikan oleh Ketua atau mereka meletakkan jawatan.
- c. Pengerusi Srikandi dan Pengerusi Beliawira dilantik oleh Ketua Cawangan selepas setiap kali pemilihan Jawatankuasa Cawangan diadakan.
- d. Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan yang dipilih tidak menjadi kosong disebabkan seseorang ahli itu dilantik menjadi Setiausaha, Bendahari atau Ketua Penerangan atau meletakkan jawatan atau diberhentikan kerana apa sebab jua pun atau meninggal dunia.
- e. Jawatankuasa Cawangan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan. Empat belas (14) hari notis adalah perlu untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa tersebut. Jika keadaan memerlukan, notis boleh dihantar melalui Media Elektronik dan Media Sosial seperti email dan WhatsApp dengan disusuli surat.
  - (1) Pada bila-bila masa lain yang dikehendaki oleh Ketua,  
atau
  - (2) Dengan permintaan bertulis oleh dua pertiga (2/3) daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa.
- f. Jika Setiausaha Cawangan tidak memanggil mesyuarat mengikut Fasal 29.e(2) dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penerimaan permohonan yang dibuat itu, maka ahli-ahli yang memohon boleh memanggil mesyuarat itu dengan syarat semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan dijemput hadir.
- g. Satu perdua (1/2) daripada Ahli-Ahli Jawatankuasa adalah menjadi cukup bilangan bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.

(Pindaan 2017)

(Pindaan 2017)

Fasal 30. **TUGAS JAWATANKUASA CAWANGAN**

a. Ketua Cawangan

- (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Cawangan itu.
- (2) Bertanggungjawab atas semua pegawai dan kakitangan Pejabat Cawangan.
- (3) Memanggil dan mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan berhak membuang undi pemutus.
- (4) Bertanggungjawab menyelaras semua minit Mesyuarat Cawangan sebelum disediakan untuk dibentangkan dan menandatangani minit yang diluluskan oleh Jawatankuasa Cawangan.
- (5) Melantik Setiausaha, Bendahari dan Pegawai Penerangan dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas mereka.
- (6) Melantik lima (5) orang Ahli Jawatankuasa mengikut Fasal 29.a (10).
- (7) Menandatangani semua cek Cawangan.
- (8) Membuat sebarang keputusan dalam keadaan mendesak, untuk kepentingan Cawangan setelah berunding dengan Majlis Eksekutif Cawangan dan melaporkan kepada Jawatankuasa Cawangan.

b. Timbalan Ketua

- (1) Membantu tugas-tugas Ketua.
- (2) Memangku jawatan Ketua semasa ketiadaannya.
- (3) Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan apabila Ketua tidak hadir.

c. Naib Ketua

- (1) Membantu tugas-tugas Timbalan Ketua.
- (2) Membantu jawatan Ketua atau Timbalan Ketua semasa ketiadaannya.
- (3) Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan apabila Ketua dan Timbalan Ketua tidak hadir.

d. Setiausaha

- (1) Bertanggungjawab kepada Ketua Cawangan.
- (2) Bertanggungjawab atas kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung.
- (3) Menyelaras dengan Ketua Cawangan semua minit Mesyuarat Agung Cawangan serta Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa dan Majlis Eksekutif sebelum disediakan untuk dibentang.
- (4) Melaksanakan segala ketetapan dan keputusan yang diambil oleh Mesyuarat Agung Cawangan, Mesyuarat Jawatankuasa dan Majlis Eksekutif.
- (5) Bertanggungjawab atas kesempurnaan urusan-urusan pentadbiran dan surat menyurat serta penyenggaraan buku-buku serta dokumen kecuali buku kira-kira dan rekod-rekod kewangan Cawangan.
- (6) Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Cawangan.
- (7) Menyediakan Laporan Tahunan yang menerangkan perjalanan dan kemajuan Cawangan dalam masa setahun untuk Jawatankuasa sebelum Mesyuarat Agung Cawangan.

- e. Bendahari
  - (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Cawangan.
  - (2) Menyedia dan membentangkan Penyata Kewangan Bulanan serta Penyata Kewangan Tahunan yang disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira kepada Jawatankuasa Cawangan.
  - (3) Membentangkan Penyata Kewangan Cawangan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira di dalam Mesyuarat Agung Cawangan.
  - (4) Menyenggara semua buku dan dokumen kira-kira Cawangan dengan sempurna.
  - (5) Menandatangani cek-cek Cawangan.
  - (6) Memaklumkan kepada Jawatankuasa Negeri kedudukan harta benda Cawangan dan Pemegang Amanah.
  - (7) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Cawangan dari masa ke semasa.
- f. Pegawai Penerangan
  - (1) Bertanggungjawab atas kesempurnaan penyenggaraan dan perlaksanaan tugas-tugas dan aktiviti penerangan peringkat Cawangan.
  - (2) Melaporkan kepada Cawangan akan tugas-tugas tersebut.
  - (3) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Cawangan.
- g. Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan yang lain juga adalah bertanggungjawab ke atas segala keputusan dan menjalankan tugas yang diputuskan oleh Jawatankuasa Cawangan.
- h. Jika jawatan Ketua Cawangan menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu maka Timbalan Ketua memangku jawatan itu. Jika jawatan Pemangku Ketua menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu, maka Jawatankuasa bolehlah melantik Naib Ketua memangku jawatan Ketua atau melantik salah seorang Ahli Jawatankuasa jika ketiadaan Naib Ketua untuk memangku jawatan itu sehingga diadakan Mesyuarat Agung Cawangan tertakluk kepada Fasal 28.b dan d (5).
- i. Jika jawatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan menjadi kosong kerana sebab-sebab tertentu, maka Jawatankuasa Negeri akan mengadakan Mesyuarat Agung Khas Cawangan dalam tempoh enam puluh (60) hari untuk menuhuhan semula Jawatankuasa Cawangan itu dan berkuasa menentukan tempoh perkhidmatannya.

Fasal 31.

### **TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA CAWANGAN**

- a. Menyenggara serta mempertahankan kedaulatan Perlembagaan dan Peraturan Persatuan.
- b. Menunaikan segala syarat yang dikehendaki oleh Pendaftar Persatuan.
- c. Merancang perjalanan dan pentadbiran Cawangan.
- d. Mentadbir wang dan harta benda Cawangan dengan sempurna.
- e. Membuat keputusan mengenai sebarang perbelanjaan wang Cawangan bagi membiayai pentadbiran dan bantuan kebajikan.
- f. Mencadangkan ke Negeri penggantungan atau pemecatan keahlian seseorang ahli.

- g. Membentangkan Penyata Tahunan serta Penyata Kira-Kira Kewangan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira Kewangan, di dalam Mesyuarat Agung Cawangan.
- h. Menghantar kepada Ibu Pejabat PVATM dan Negeri Minit Mesyuarat Agung, Laporan Tahunan dan Penyata Kira-Kira yang telah dibentangkan dan disahkan di dalam Mesyuarat Agung Cawangan.
- i. Menetapkan tempat menyimpan wang Cawangan dan menamakan Ahli Jawatankuasa, selain dari Ketua dan Bendahari, yang dibenarkan menandatangani cek-cek Cawangan.
- j. Membuat apa juar pun keputusan yang tidak terdapat dalam tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Cawangan demi kesempurnaan atau kepentingan Cawangan.
- k. Dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada bilangan Ahli Jawatankuasa berhak menangguhkan Mesyuarat Agung Cawangan sekiranya didapati atau terdapat perkara yang akan menjadikan suasana keselamatan dan perjalanan Mesyuarat Agung itu.
- l. Membantu PVATM Negeri mengurus harta Persatuan di cawangannya. *(Pindaan 2017)*

#### **Fasal 32. MAJLIS EKSEKUTIF CAWANGAN**

- a. Komposisi
  - (1) Ketua.
  - (2) Timbalan Ketua.
  - (3) Naib Ketua.
  - (4) Setiausaha.
  - (5) Bendahari.
  - (6) Pegawai Penerangan.
  - (7) Ketua Cawangan boleh memanggil Pengerusi Srikandi dan Pengerusi Beliawira menghadiri mesyuarat apabila diperlukan.
- b. Tanggungjawab dan fungsi Majlis Eksekutif, mengikut Fasal 17, boleh digunakan untuk keperluan Cawangan kecuali penggantungan dan pemecatan keahlian seseorang.

#### **Fasal 33. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBUBARAN CAWANGAN**

- a. Sesbuah Cawangan itu boleh digantung atau dibubarkan oleh Majlis Tertinggi (MT) apabila ianya;
  - (1) Apabila keahlian cawangan itu mempunyai kurang dari Lima Puluh (50) orang ahli, di mana Ahli Bersekutu, Ahli Beliawira dan Ahli Srikandi tidak termasuk dalam jumlah Lima puluh (50) tersebut,  
atau
  - (2) Enggan mematuhi Perlembagaan atau Peraturan Persatuan atau keputusan Persidangan Negara atau Negeri mengenai sesuatu hal, atau
  - (3) Tidak menurut perintah atau Peraturan yang telah ditetapkan oleh Pendaftar Persatuan.*(Pindaan 2017)*
- b. Cawangan boleh dibubarkan setelah mendapat kelulusan Majlis Tertinggi (MT) dengan cara sukarela oleh Mesyuarat Agung Khas Cawangan atas ketetapan tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) jumlah kehadiran Mesyuarat Agung Khas dan mewakili tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli-ahli didalam cawangan.

- c. Sekiranya sesebuah cawangan itu dibubarkan, Jawatankuasa Negeri hendaklah memindahkan ahli-ahli cawangan itu ke cawangan lain mengikut pilihan ahli-ahli itu.
- d. Majlis Eksekutif Negara, tertakluk kepada tugasnya di dalam Fasal 17, juga berkuasa menggantung sementara pentadbiran sesebuah cawangan itu bagi menyelesaikan masalah mendesak cawangan itu atau untuk memudahkan pemberian bantuan segera kepadanya jika cawangan itu telah didapati melakukan sesuatu yang boleh merosakkan nama baik Persatuan atau pentadbiran cawangan itu sendiri. Dalam hubungan ini, Majlis Eksekutif Negara hendaklah menubuhkan segera Pasukan Penyelaras.

Fasal 34.

#### **TEMPAT URUSAN CAWANGAN**

Tempat Urusan Cawangan bolehlah ditempatkan di mana jua tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Cawangan itu dan diluluskan oleh Pendaftar Persatuan.

Fasal 35.

#### **SRIKANDI DAN BELIAWIRA PVATM**

Srikandi dan Beliawira boleh diwujudkan di mana-mana peringkat. Majlis Tertinggi (MT) yang berkuasa membuat peraturan-peraturan untuk mereka. Ahli Srikandi dan Beliawira di peringkat masing-masing dibenarkan menjadi perwakilan, mengambil bahagian dan mengundi di dalam Persidangan Perwakilan atau Mesyuarat Agung serta boleh dipilih memegang sebarang jawatan sekiranya ahli itu ialah seorang Ahli PVATM.

Fasal 36.

#### **DISIPLIN**

- a. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa menubuhkan Jawatankuasa Disiplin dan menentukan Peraturan-Peraturan, bidang kuasanya dan boleh mengenakan hukuman kepada Negeri, Cawangan dan ahli-ahli kerana melanggar peruntukan Perlembagaan, Peraturan Pentadbiran dan Pengurusan dan kesalahan lain yang disenaraikan di dalam Tatatertib Ahli Persatuan atau mana-mana Peraturan lain yang dikeluarkan oleh Persatuan.
- b. Seseorang ahli atau pihak yang tidak puas hati dengan tindakan disiplin yang dikenakan ke atasnya boleh merayu kepada Majlis Tertinggi (MT) mengikut peraturan-peraturan yang wujud dan yang boleh dipinda oleh Majlis Tertinggi (MT) dari masa ke masa. Rayuan itu hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh Notis Tindakan itu dikeluarkan kepadanya dan akan dikira tidak sah jika dibuat selepas jangka masa itu.
- c. Tanpa menghiraukan apa-apa peruntukan lain di dalam Perlembagaan ini, seseorang ahli atau pihak di dalam Persatuan yang membawa apa-apa jua perkara Persatuan tanpa mematuhi sepenuhnya Peraturan-Peraturan Persatuan, boleh diambil tindakan tatatertib.
- d. Semua ahli Persatuan hendaklah:
  - (1) Patuh kepada Perlembagaan ini dan Tataetika Ahli.
  - (2) Mengikut perintah-perintah Persatuan.
  - (3) Menjalankan dasar-dasar Persatuan.
  - (4) Patuh dan menghormati keputusan-keputusan Persatuan.
  - (5) Menjaga rahsia-rahsia Persatuan.
  - (6) Memelihara nama baik Persatuan.
  - (7) Sentiasa menunjukkan tatalaku yang berterib.

**(Pindaan 2017)**

- e. Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Cawangan dikehendaki mengawasi kegiatan ahli-ahli dan mengambil tindakan sesuai apabila didapati mana-mana ahli itu melanggar disiplin Persatuan. Jika tindakan tidak dapat diambil kerana sebab-sebab tertentu, melaporkan kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk tindakan selanjutnya.
- f. Mana-mana ahli yang melanggar peruntukan Perlembagaan atau Peraturan Persatuan atau Tataetika Persatuan, boleh dikenakan hukuman yang tersebut di bawah ini oleh Majlis Tertinggi (MT):
  - (1) Diberi amaran.
  - (2) Digantung hak-haknya di dalam Persatuan.
  - (3) Dilarang daripada bertanding bagi mana-mana jawatan dalam Persatuan yang ditentukan.
  - (4) Digantung keahliannya di dalam Persatuan.
  - (5) Dipecat dari Persatuan.
  - (6) Dilarang menjadi Perwakilan sesuatu peringkat itu.
  - (7) Dilarang selaku Pemerhati atau berada di dalam Persidangan atau Mesyuarat Agung.
  - (8) Dikenakan lain-lain hukuman yang difikirkan wajar dan seimbang.
- g. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa membuat kaedah-kaedah dan Peraturan-Peraturan, dari masa ke semasa, berkaitan dengan Tataetika dan Disiplin Persatuan, yang antara lain melarang penyalahgunaan wang dengan tujuan mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi mana-mana pemilihan bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi mana-mana ahli dalam mana-mana pemilihan Persatuan.
- h. Sebarang keputusan Majlis Tertinggi (MT) mengenai disiplin, tataetika atau penyelesaian ke atas sebarang perkara atau masalah Persatuan adalah muktamad. Mahkamah tidak boleh diminta menerima atau membuat keputusan mengenai disiplin, tataetika atau penyelesaian perkara-perkara atau masalah dalaman Persatuan atau perkara-perkara Persatuan bersabitan Pentadbiran dan Pengurusan Persatuan.
- i. **Larangan**
  - (1) **Muflis.** Sesiapa juga ahli yang telah diisyiharkan Muflis boleh menjadi Ahli Persatuan atau meneruskan keahliannya tetapi tidak boleh memegang sebarang jawatan dalam mana-mana peringkat Persatuan sehingga kemufisan itu dimansuhkan. Keadaan ini adalah juga berkuat kuasa kepada Ahli Srikandi dan Beliawira.
  - (2) **Kurang Siuman.** Sesiapa juga ahli yang disahkan mengidap penyakit tidak siuman oleh mana-mana pakar boleh meneruskan keahliannya tetapi tidak boleh lagi memegang sebarang jawatan di dalam Persatuan.
  - (3) Ahli-Ahli Jawatankuasa yang dilantik kerana jawatan mengikut Fasal 12.b (11) dan 12 dan Fasal 21.a (11) hingga (14) adalah tidak berhak mengundi di dalam sebarang mesyuarat Persatuan.
- j. **Warganegara Malaysia.** Ahli-Ahli Jawatankuasa di semua peringkat dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas pemerintahan di dalam persatuan hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.

- Fasal 37. **PUNCA PENDAPATAN**
- a. Kewangan Persatuan adalah diperolehi dari:
    - (1) Wang Pendaftaran dan Yuran.
    - (2) Derma-derma dan sumbangan.
    - (3) Ikhtiar-ikhtiar lain di semua peringkat yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi (MT).
  - a. Tahun Kewangan Persatuan ialah dari 01hb Januari hingga 31hb Disember setiap tahun.
  - c. Cawangan dan Negeri hendaklah menghantar Penyata Kira-Kira Kewangan Tahunan yang telah diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira atau Juruaudit yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung atau Persidangan Perwakilan ke Ibu Pejabat Negara tidak lewat dari empat puluh (40) hari selepas sesuatu Mesyuarat Agung atau persidangan itu diadakan.
- Fasal 38. **PENYIMPANAN DAN KEGUNAAN WANG PERSATUAN**
- a. Tertakluk kepada Fasal 38.f, Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Cawangan boleh menentukan cara-cara mengutip, menyimpan dan menggunakan wang Persatuan di peringkat masing-masing.
  - b. Wang Persatuan, kecuali wang tunai di dalam tangan, hendaklah disimpan di dalam Bank Perdagangan atau Bank Simpanan tempatan.
  - c. Cek-cek dan borang-borang mengeluarkan wang dari Bank hendaklah ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli yang telah dinamakan di peringkat Jawatankuasa masing-masing.
  - d. Majlis Tertinggi (MT) berhak dan berkuasa di atas semua wang dan harta benda Negeri-Negeri dan Cawangan-Cawangan di dalam Negeri-Negeri yang dibubarkan.
  - e. Jawatankuasa Negeri adalah berhak di atas semua harta benda, wang tunai di tangan atau pun wang simpanan di dalam Bank atau Simpanan bagi sesebuah Cawangan yang telah dibubarkan.
  - f. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan kewangan Persatuan bagi semua peringkat.
- Fasal 39. **HARTA TAK ALIH** *(Pindaan 2017)*
- a. Tiap-tiap harta tak alih kepunyaan Ibu Pejabat Persatuan hendaklah didaftarkan atas nama Persatuan dan harta tak alih kepunyaan Negeri dan Cawangan bolehlah didaftar atas nama mereka masing-masing dan memerlukan 2 tandatangan penjawat yang dipilih atau pemegang amanah.
  - b. Pemilik harta boleh melantik mana-mana ahli atau syarikat sebagai Pemegang Amanah dan mereka boleh diberhentikan bila-bila masa juapun. Semasa mereka dilantik, mereka hendaklah menandatangani Surat Persetujuan untuk diberhentikan bila-bila masa sahaja. *(Pindaan 2017)*
  - c. Persatuan diperingkat negeri atau cawangan perlu mendapat kelulusan Majlis Tertinggi (MT) apabila jawatankuasa di peringkat negeri dan cawangan telah memutuskan hendak membeli, menjual, memindah atau mencagar harta tak alih. *(Pindaan 2017)*
  - d. Keputusan pelupusan Harta Tak Alih mesti diputuskan oleh jawatankuasa di peringkat masing-masing dan keputusan perlu mendapat kelulusan Majlis Tertinggi (MT) sebelum dilaksanakan. *(Pindaan 2017)*
  - e. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa membuat Peraturan, bila perlu untuk melaksanakan tujuan Fasal 39 ini.

- Fasal 40. **PEMERIKSA KIRA-KIRA**
- Perhimpunan Agung Tahunan Negara dan Persidangan Perwakilan Negeri hendaklah melantik Juruaudit yang bertauliah untuk memeriksa kira-kira kewangan Persatuan dan melaporkan kepada Presiden atau Yang Dipertua Negeri mengenai kedudukan kewangan dan harta yang dimiliki oleh Persatuan.
  - Mesyuarat Agung Cawangan hendaklah memilih dua (2) orang menjadi Pemeriksa Kira-Kira bagi Cawangannya.
  - Majlis Tertinggi (MT), Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Cawangan hendaklah memilih Juruaudit atau Pemeriksa Kira-Kira yang dipilih oleh peringkat masing-masing jika mereka menarik diri.
  - Majlis Tertinggi (MT) berkuasa pada bila-bila masa menjalankan pemeriksaan kira-kira wang dan harta Negeri dan Jawatankuasa Negeri berkuasa memeriksa kira-kira wang dan harta Cawangan.
  - Majlis Tertinggi (MT) berkuasa membuat sebarang Peraturan mengenai wang Negeri dan Cawangan.
- Fasal 41. **PERATURAN PERSIDANGAN**
- Majlis Tertinggi (MT) berkuasa membuat Peraturan Perhimpunan Agung Tahunan Negara yang diluluskan oleh Pendaftar Persatuan Veteran.
  - Peraturan Perhimpunan Agung Tahunan Negara hendaklah dipakai untuk persidangan-persidangan di semua peringkat dan disesuaikan sekiranya perlu.
- Fasal 42. **MEMEGANG JAWATAN DALAM PERSATUAN DAN KELAB VETERAN SELAIN DARI PVATM** *(Pindaan 2017)*
- Mereka yang memegang jawatan dalam mana-mana peringkat dalam persatuan dilarang memegang mana-mana jawatan pemimpin dalam Persatuan dan Kelab Veteran yang lain. Sekiranya perkara ini berlaku maka dia hendaklah memilih salah satu jawatan sebelum menerima jawatan tersebut.
  - Mereka yang sedang menyandang sesuatu jawatan dalam persatuan dalam Kelab Veteran yang lain boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga tempohnya selesai. Perkara ini tidak dibenarkan berulang-ulang.
  - Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka yang ingkar.
- Fasal 43. **PERLANTIKAN AHLI LEMBAGA PENGARAH** *(Pindaan 2017)*
- Majlis Tertinggi (MT) diberi kuasa untuk melantik ahli Lembaga Pengarah Syarikat-Syarikat milik PVATM dari kalangan ahli-ahli Majlis Eksekutif atau Majlis Tertinggi (MT) yang berkelayakan dan berpengalaman untuk tempoh 3 tahun dan boleh disambung lagi sekiranya perlu.
  - Seseorang Ahli Majlis Eksekutif atau Majlis Tertinggi (MT) hanya dibenarkan memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah untuk 1 Syarikat sahaja.
- Fasal 44. **USUL TERGEMPAR** *(Pindaan 2017)*
- Usul tergempar tidak boleh dikemukakan semasa Perhimpunan Agung diperingkat Negara, Persidangan Perwakilan Negeri dan Mesyuarat Agung Cawangan.
  - Semua usul perlu dikemukakan secara terbuka di peringkat masing-masing dan disemak serta diluluskan oleh Majlis Eksekutif di peringkat masing-masing sebelum diangkat ke pihak atasan.
  - Majlis Tertinggi berkuasa mengadakan arahan dan peraturan khas mengenai perkara ini.

- Fasal 45. **UNDI TIDAK PERCAYA** (Pindaan 2017)
- a. Undi tidak percaya perlu dilakukan, sekiranya berlaku perlu ditangani di peringkat AJK masing-masing terlebih dahulu.
  - b. Majlis Tertinggi (MT) berkuasa mengadakan arahan dan peraturan khas dalam menangani dan mengurus kejadian undi tidak percaya..
- Fasal 46. **MEMINDA PERLEMBAGAAN**
- a. Perlembagaan ini atau sebarang bahagian daripadanya boleh dipinda atau dimansuhkan dengan ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) ahli-ahli yang berhak hadir di dalam Persidangan Perwakilan Khas Negara dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Persatuan untuk diluluskan sebelum digunakan.
  - b. Cadangan-cadangan pindaan kepada Perlembagaan yang dikemukakan oleh Majlis Tertinggi (MT) boleh diberi pandangan oleh Perwakilan-Perwakilan Perhimpunan Agung Tahunan Khas Negara dengan syarat Perwakilan itu mengemukakan pandangan itu dengan bertulis, kepada Setiausaha Agung empat belas (14) hari sebelum Persidangan Perwakilan itu diadakan.
  - c. Negeri-Negeri boleh mencadangkan pindaan kepada Perlembagaan dengan syarat Fasal 10.f (4) telah dipatuhi.
- Fasal 47. **PERATURAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN**
- Majlis Tertinggi (MT) berkuasa menetap, membuat, menggubal dan meminda, dari masa ke semasa, Peraturan-Peraturan Pentadbiran dan Pengurusan untuk melaksanakan kehendak Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan lain bagi menentukan kesempurnaan perjalanan dan pentadbiran Persatuan.
- Fasal 48. **TAFSIRAN**
- Jika berbangkit sebarang perselisihan di atas tafsiran Perlembagaan ini atau Peraturan Perhimpunan Agung Tahunan Negara atau Peraturan-Peraturan lain yang dibuat di bawah kuasanya, maka tafsiran yang diberikan oleh Majlis Tertinggi (MT) adalah muktamad; selagi tidak bertentangan dengan keputusan Perhimpunan Agung.